

Utamakan sekolah daif - PM

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

MELAKA: Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan (KPM) diarah memberi keutamaan kepada kerja memperbaiki dan pembangunan semula sekolah-sekolah daif di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mahu sebarang kerenah pentadbiran mengganggu urusan melibatkan sekolah-sekolah daif, selaras dengan keutamaan dalam Belanjawan Madani 2023 yang menyediakan peruntukan terbesar untuk sektor pendidikan.

KPM memperoleh peruntukan RM55.2 bilion dalam Belanjawan 2023 dan daripada jumlah itu, RM2.3 bilion disediakan untuk memastikan infrastruktur dan kemudahan pembelajaran terbaik di semua sekolah buat setiap golongan pelajar.

Ini meliputi peruntukan RM920 juta untuk naik taraf bangunan serta infrastruktur di 380 buah sekolah daif, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Anwar berkata, situasi kritikal yang membelenggu para guru dan murid sekolah seperti isu tandas rosak tidak seharusnya terjadi tatkala pertumbuhan negara membanggakan.

“Di sekolah-sekolah kalau ada lapan tandas, empat rosak. Ada sekolah empat tandas, tiga



ANWAR Ibrahim dan Fadhlina Sidek (kiri) bersama Mazlan Mohamad (dua dari kanan), Dr. Nuinda Alias (tengah) dan Ab. Rauf Yusoh sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-52 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Ayer Keroh, Melaka, semalam. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

rosak. Jadi kita nak didik anak-anak tanpa kemudahan-kemudahan asas, ini yang mempengaruhi saya.

“Bukan laporan, bukan kajian daripada pakar-pakar. Melihat dari mata, melihat dari peringkat serendahnyanya,” kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Sambutan Hari

Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-52 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh.

Dalam majlis itu, bekas Pen-

garah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, Datuk Mazlan Mohamad, 69, dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan 2023 manakala Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2023 diraih bekas Pengerusi Cemerlang Maktab Sabah, Datuk Dr. Nuinda Alias, 61.